

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Jerebu kembali Mei-September 2016	Utusan Malaysia
2	Kualiti udara negeri di Utara sangat tak sihat	Berita Harian
3	Amaran angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga hari ini	Bernamea.com
4	Boleh tuntutan jasad anak	Harian Metro
5	Keputusan DNA rangka, mayat murid orang asli diketahui jumaat – Polis Kelantan	Bernamea.com
6	Pacu pelaburan	Harian Metro
7	MITI harap bajet 2016 rangsang pertumbuhan ekonomi dan angka dagangan	Bernamea.com
8	'Pengsan ditindih Jemaah lain'	Berita Harian
9	Entrepreneurial role of varsities	New Straits Times

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

## Jerebu kembali Mei-September 2016

**KUALA LUMPUR 22 Okt.** - Masalah jerebu yang datang dan pergi sebanyak tiga kali dalam masa singkat disifatkan sebagai jerebu terburuk pada bulan Oktober yang pernah melanda negara.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Datuk Che Gayah Ismail berkata, jangka masa jerebu melanda negara setiap tahun selalunya pada Jun hingga September dan biasanya tiada gelombang kedua atau ketiga berlaku.

"Lebih memburukkan keadaan adalah ribut tropika yang berlaku sekarang membawa asap jerebu itu kembali ke negara kita. Saya kira jika tiada taufan ribut tropika berlaku, kesan jerebu yang kita hadapi akan berkurangan.

"Walaupun bagaimanapun, jerebu rentas sempadan yang dialami sekarang akan berakhir dengan bermulanya angin Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh iaitu mulai awal November ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Keadaan jerebu kembali 'menghantui' seluruh negara buat kali ketiga dua hari lepas menyebab-



**Bulan Mei hingga September tahun depan adalah waktu berisiko mendapat jerebu kembali kerana ketika itu keadaan cuaca kering dan angin barat daya akan membawa asap jerebu ke negara kita."**

**CHE GAYAH ISMAIL**

**Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia**

kan sebanyak 4,778 buah sekolah ditutup dan aktiviti harian orang ramai terganggu.

Tambah Che Gayah, musim tengkujuh yang akan berlaku dari November hingga Mac tahun depan akan menyebabkan angin dari timur laut bertiup menghalang jerebu kebakaran hutan datang ke Malaysia.

Katanya, oleh sebab itu walaupun kebakaran di Indonesia dijangka berlarutan hingga Mac tahun depan, Malaysia tidak akan mengalami jerebu rentas sempadan untuk tempoh musim tengkujuh

iaitu dari November ini hingga Mac tahun depan.

"Meskipun begitu, memandangkan April adalah musim peralihan monsun dan sekiranya kebakaran di Indonesia masih berlaku, kita berisiko mendapat jerebu kembali seandainya terdapat ribut tropika terbentuk seperti sekarang.

"Bulan Mei hingga September tahun depan adalah waktu berisiko mendapat jerebu kembali kerana ketika itu keadaan cuaca kering dan angin barat daya akan membawa asap jerebu ke negara kita," katanya.



# Kualiti udara negeri di Utara sangat tak sihat

» *Bacaan IPU Seberang Jaya 2, Perai catatkan bacaan tertinggi, 233*

Oleh Nur Fatin Mohd Satar  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ualiti udara di beberapa negeri di utara Semenanjung iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang masih menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat semalam.

Berdasarkan laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU yang direkodkan sehingga jam 7 malam tadi menunjukkan Seberang Jaya 2, Perai menunjukkan bacaan paling tinggi iaitu 233.

Kualiti udara sangat tidak sihat



turut dicatat di Alor Setar (230), Langkawi (225), Bakar Arang, Sungai Petani di Kedah (224), Kangar, Perlis (208) dan Universiti Sains Malaysia (203).

“**MetMalaysia sekali lagi melakukan pembenihan awan di Alor Setar dan Langkawi (Kedah) serta Kangar (Perlis) petang tadi (semalam)**”

**Che Gayah Ismail,**  
Pegawai Jabatan  
Meteorologi Malaysia  
(MetMalaysia)



Pemandangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang diselubungi jerebu dengan bacaan IPU mencecah 230.  
(FOTO HAMZAH OSMAN/BH)

Diikuti Perai (184), Seri Manjung (162), Sekolah Kebangsaan Jalan Pegoh, Ipoh (162), Pelabuhan Klang (153), Kampung Air Putih, Taiping (149), Kuala Selangor (147) dan Jalan Tasek di Ipoh (144).

Selain itu, Sri Aman menunjukkan bacaan 131, Shah Alam (129), Tanah Merah, Kelantan (122), Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Chat, Kota Bharu (120), Tanjung Malim (120), Samarahan (119), Kuching (116), Balok Baru, Kuantan (114), Kemaman (109), Banting (107), Petaling Jaya (105), Batu Muda (104), Kuala Terengganu (103), Putrajaya (103) dan Indera Mahkota, Kuantan (102).

Dalam perkembangan berkaitan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan semua sekolah di Negeri Sembilan, Selangor, Putrajaya, Wilayah Persekutuan, Bentong di Pahang, Kuching, Sri Aman, Samarahan dan Betong di Sarawak dibuka semula hari ini.

#### 1,600 sekolah ditutup

Hampir 1,600 sekolah membabitkan 728,739 pelajar di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus ditutup sehingga hari ini berikutan IPU masih menunjukkan bacaan tidak sihat.

Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, ketika dihu-

bungi BH, berkata, angin Monsun Timur Laut diramal melanda Isnin ini dengan kelajuan 50 hingga 60 kilometer sejam.

#### Halang kemasukan jerebu

Beliau berkata, ia dijangka membawa hujan lebat dari arah Laut China Selatan, sekali gus menghalang kemasukan jerebu dari arah Sumatera.

“MetMalaysia sekali lagi melakukan pembenihan awan di Alor Setar dan Langkawi (Kedah) serta Kangar (Perlis) petang tadi (semalam).”

“Langkah berkenaan menghasilkkan hujan buatan di kedua-dua kawasan di Kedah,” katanya.



## Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berterusan Sehingga Hari Ini

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) serta Labuan diramal berterusan sehingga hari Khamis.

Jabatan itu dalam satu kenyataan berkata keadaan angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu.

Sementara itu, ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching, Tawau, Selat Melaka, Tioman, Bunguran dan Sulawesi akibat jerebu diramal berterusan sehingga hari ini.

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran, menurut jabatan berkenaan.

Dalam pada itu, amaran ribut petir di kawasan perairan Kudat, Pantai Barat, Pedalaman, Sandakan, Reef North, Palawan dan Sulu diramal berterusan sehingga pagi ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 23 OKTOBER 2015 (JUMAAT)**

**Kota Bharu:** Ahli keluarga dua kanak-kanak Orang Asli yang disahkan identiti mereka menerusi ujian asid deoksiribonukleik (DNA) minggu lalu boleh menuntut jasad dan rangka anak mereka untuk urusan pengebumian di Hospital Gua Musang (HGM), di sini.

Pengarah HGM Dr Nik Mohd Faizal Zainal Abidin ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima surat pengesahan DNA daripada polis, kelmarin bagi membolehkan urusan penyerahan mangsa dibuat.

"Ujian DNA mengesahkan

## Boleh menuntut jasad anak

mayat adalah Ika Ayel, 9, dan Juvina David, 7, namun sehingga petang semalam (kelmarin) belum dituntut ahli keluarga mangsa.

"Mungkin mereka belum mengetahuinya lagi, jadi saya mahu maklumkan jasad boleh dituntut pada bila-bila masa dan kami tidak mempunyai masalah membantu mereka," katanya di sini, semalam.

Ketika ini, mayat dan rangka ditempatkan di bilik mayat HGM.

Difahamkan, ahli keluarga mahu menuntut rangka dan mayat bersama dua lagi mangsa yang belum diumumkan status ujian DNA.

Keputusan ujian itu dijangka diumumkan Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim, hari ini.

Harian Metro, baru-baru ini melaporkan dua daripada empat spesimen yang dihantar ke **Laboratori Kimia** di Petaling Jaya untuk ujian DNA disahkan milik Ika dan Juvina.

Mereka bersama lima ra-

kan, Miksudiar Aluf, 11, Norieen Yaakob, 10, Linda Rosli, 8, Sasa Sobrie, 8, dan Haikal Yaakob, 8, hilang sejak 23 Ogos lalu selepas melarikan diri dari asrama Sekolah Kebangsaan Tohoi, Gua Musang kerana bimbang di marahi guru.

Pada 9 Oktober lalu, selepas 46 hari pencarian dijalankan, satu mayat dijumpai di tebing Sungai Perias 500 meter dari Pos Tohoi, diikuti rangka keesokan harinya dan penemuan Mik-



MAZLAN

sudiar dan Norieen 3.3 kilometer dari Pos Tohoi bersama mayat Ika.

Sementara itu, Mazlan mengesahkan menyerahkan surat pengesahan DNA kepada HGM.

Katanya, pihaknya akan mengumumkan keputusan ujian DNA baki dua spesimen yang belum disahkan sebelum ini, hari ini.

"Pengumuman itu penting untuk mengesahkan rangka ditemui itu sama ada Linda Rosli, 8, atau Haikal Yaakob, 8. Setakat ini kita klasifikasikan mereka sebagai orang hilang," katanya.

